

# Waspada iklan pinjaman menerusi koperasi

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**  
pengarang@utusan.com.my

■ **KUANTAN 13 MEI**

**P**ENJAWAT awam dan kakitangan syarikat milik kerajaan (GLC) diingatkan supaya berhati-hati serta berwaspada terhadap pemberian pinjaman mudah musim perayaan oleh koperasi melalui iklan-iklan di tempat awam, di bawah pokok, jejantas dan bangunan.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya memandangkan serius perkara itu kerana iklan yang dibuat menyatakan pembayaran balik pinjaman melalui potongan gaji Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).

Jika menerusi BPA, kata beliau, hanya penjawat awam dan kakitangan GLC yang layak memohon

pinjaman mudah tersebut.

"Iklan tersebut memaparkan pinjaman mudah dan cepat yang ditawarkan oleh koperasi termasuk mereka yang disenarai hitam juga layak untuk membuat permohonan.

"Kita berharap penjawat awam dan kakitangan GLC membuat pemeriksaan terlebih dahulu bagi memastikan koperasi itu benar-benar tulen, kadangkala pihak tidak bertanggungjawab hanya guna nama koperasi sahaja," katanya kepada pemberita selepas Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan Kepada Anak Yatim anjuran Angkasa di Masjid Felda Sungai Panching Timur di sini semalam.

Yang hadir sama Naib Presiden



**ABDUL FATTAH**

Angkasa, Mohamad Azmi Omaruddin dan Ahli Parlimen Paya Besar, Mohd. Shahrul Abdullah.

Menurut Abdul Fattah, pemeriksaan lanjut boleh dibuat menerusi Angkasa dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi memastikan penjawat awam dan kakitangan GLC tidak menjadi

mangsa sindiket serta ejen pinjaman tidak bertauliah.

Beliau berkata, terdapat 584 koperasi kredit di negara ini dan daripada jumlah itu, hanya 420 buah menggunakan sistem potongan gaji Angkasa (SPGA).

"Menjelang musim perayaan ini, macam-macam akan dilakukan pihak tidak bertanggungjawab untuk mempedaya orang ramai, kita minta koperasi supaya jangan memperdaya ahlinya," katanya.